

16/06/2003

Sambutan Mega Perpaduan meriah

KUALA LUMPUR: Sambutan Mega Perpaduan akan diteruskan ke peringkat negeri dan sektor mulai tahun depan sebagai acara tahunan bagi memperkukuh perpaduan antara kaum.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakatnya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata, sambutan secara tahunan diharap dapat memupuk nilai yang positif antara kaum.

"Kita akan sediakan pelbagai program bagi pembangunan sendiri supaya masyarakat menghargai keperluan dan terapkan nilai baik, produktif dan berguna untuk hidupan perpaduan," katanya pada sidang media selepas merasmikan sambutan Selera Perpaduan, di sini semalam.

Dr Siti Zaharah berkata, Selera Perpaduan yang juga acara terakhir sambutan Mega Perpaduan boleh dijadikan asas membina perpaduan masyarakat kerana negara ini kaya dengan pelbagai hidangan.

Katanya, jamuan percuma secara berselerak berunsurkan tempatan itu dapat menyatukan masyarakat pelbagai kaum dalam suasana muhibah, di samping pelbagai persembahan membabitkan kanak-kanak dan artis tempatan.

"Ini juga sebahagian daripada hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya wujud perpaduan lebih kukuh dan realistik," katanya.